

© **TripAdvisor.com** menawarkan khidmat nasihat perjalanan, selain menyediakan pelbagai pilihan perjalanan serta tempahan bilik. Dikenali sebagai jenama perancang perjalanan pelancongan terbesar di dunia, laman web ini dilawati 60 juta pelawat setiap bulan dan menerima lebih 75 juta ulasan dan pendapat. Laman web ini beroperasi di 30 buah negara di seluruh dunia.

B/H 24/2/13 MS 6

10

destinasi mempersona

» **TripAdvisor umum** lokasi dalam negara diminati pelancong



1 Menara Berkembar Kuala Lumpur (KLCC)

“Menara ini memang sungguh mengagumkan terutama pada waktu malam apabila dipancarkan cahaya di sekelilingnya. Selain itu, menara sangat besar, memang susah nak ambil kedua-dua menara berkembar ini dalam satu gambar penuh.”

2 SURIA KLCC, Kuala Lumpur

“Dari tempat makan dan minum, kedai-kedai, restoran dan bar, KLCC memang ada semuanya. Sudahlah tu, tempat ini juga selamat untuk jalan-jalan selain persekitarannya yang cukup menarik.”

3 Kereta Kabel Langkawi, Kedah

“Isteri dan saya sendiri memang suka menaiki

kereta kabel di Langkawi. Ketika berada dalam kereta kabel ini, kita boleh membuka mata seluas-luasnya melihat pemandangan indah dan menarik nafas sedalam-dalamnya menyedut udara segar serta berpeluang melihat keindahan matahari terbenam di waktu senja”

4 Taman Burung Kuala Lumpur, Kuala Lumpur

Taman Rama-Rama Kuala Lumpur memberi satu kepuasan tambahan selepas melawat Taman Orkid Negara. Kami menghabiskan masa tiga jam dalam taman ini, melihat burung berterbangan dan saling berkicauan di bawah kanopi yang besar. Saya memang akan mencadangkan kepada sesiapa tidak rugi ke taman burung Kuala Lumpur.



5 Aquaria KLCC, Kuala Lumpur

Kami suka dengan akuarium ini yang cuma lima minit berjalan kaki dari hotel. Ia cukup menakjubkan kepada setiap pelancong terutama apabila berada di terowong akuarium dengan ikan jerung, ikan kecil dan ikan pari sedang berenang-renang seolah-olah bersama kita.

6 Tokong Kek Lok Si, Pulau Pinang

Tokong ini antara tempat yang mesti dikunjungi kalau melawat Pulau Pinang. Kami menghabiskan masa berjam-jam di sini untuk menghayati seni bina, suasana dan hasil seni di sini.

7 Muzium Kesenian Islam, Kuala Lumpur

Muzium ini sangat hebat. Kami sungguh teruja dan menghargai setiap helai kaligrafi China Islam dan seramik Turki yang dipamerkan

di muzium ini.

8 Gunung Kinabalu, Sabah

Berjaya mendaki hingga ke puncak Gunung Kinabalu memang memberikan pengalaman yang amat fantastik dan memberikan kepuasan tidak terhingga. Sepanjang laluan trek ketika mendaki, kita juga boleh menemui spesies flora dan fauna yang unik.

9 Pusat Hidupan Liar Semenggoh, Sarawak

“Orang utan cukup menakjubkan dan memang sangat teruja dapat melihat haiwan dengan lebih dekat, dari luar kandang. Ini antara percutian yang paling menarik.

10 Muzium Peranakan Pulau Pinang

Muzik ini sangat bagus. Koleksi yang dipamerkan memang mengagumkan terutama proselin dan perabutnya yang sangat antik.

